

AMALAN PEMBAHAGIAN FARAID DI MALAYSIA

FARAID DISTRIBUTION PRACTICE IN MALAYSIA

Mohd Khairy Kamarudin¹
Azwan Abdullah²

Abstrak

Harta pusaka yang tidak dituntut merupakan salah satu masalah ekonomi orang Islam yang semakin meruncing. Kesannya, harta tersebut akan terbeku dan memerlukan masa yang panjang untuk mencairkannya. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana Islam telah menetapkan pembahagian harta mengikut hukum faraid. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan memberikan kefahaman berkaitan dengan hukum dan perundangan faraid dalam konteks semasa di Malaysia. Kajian ini juga menerangkan alternatif kepada pembahagian faraid dan kekangan dalam melaksanakan pembahagian faraid dalam beberapa keadaan tertentu. Ilmu berkaitan faraid ini perlu diperluaskan supaya masyarakat dapat memahami dan mengamalkan ilmu tersebut dalam menyelesaikan masalah tuntutan pusaka.

Kata kunci: *Faraid, Takharruj, Pusaka*

Abstract

Unclaimed estate is one of the critical economics problems among Muslim. The estate might be frozen and needs a lengthy time to be liquidated. This problem should not be happening because estate distribution has been stipulated through faraid law. This study aims to understand faraid law and legislation within the current context of Malaysia. This study also explains the alternative of faraid distribution and restrictions in implementing faraid under certain circumstances. From this, the faraid knowledge could be expended in order to give a clear understanding to the Muslim society about implementation of estate claiming.

2016 GBSE Journal

1. PENDAHULUAN

Harta pusaka tidak dituntut merupakan satu perkara yang merugikan umat Islam kerana mereka tidak dapat menikmati harta yang ditinggalkan. Masalah harta pusaka ini menyebabkan harta tersebut terbeku dan tidak dapat dibangunkan bagi tujuan pembangunan ekonomi waris-waris. Hal ini disebabkan apabila sesuatu harta tersebut diisytiharkan sebagai beku, maka ia memerlukan pelbagai prosedur dan mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikannya (Ab Aziz & Nordin, 2015). Secara umumnya, proses tuntutan pusaka mengambil masa 5½ bulan bagi kes-kes yang tidak bermasalah. Namun begitu, sekiranya kes yang melibatkan kematian berlapis (*munasakhah*) iaitu kematian waris-waris kepada si mati atau harta berada di dalam daerah yang berlainan, kemungkinan masa memproses akan lebih

¹ Pensyarah, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, 16100 Pengkalan Chepa, Kelantan, Tel: +60162242442 E-mail: khairy.k@umk.edu.my

² Pensyarah Kanan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, 16100 Pengkalan Chepa, Kelantan, Tel: +60139849070 E-mail: azwan.a@umk.edu.my

panjang (Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2016; *Panduan permohonan tuntutan pembahagian harta pusaka kecil*, 2013). Malah, terdapat rekod kes tuntutan pusaka yang mengambil masa sehingga 50 tahun (Hussain, 2005).

Trend statistik dari tahun ke tahun menunjukkan peningkatan terhadap harta pusaka yang tidak diurus. Berdasarkan rekod di Pejabat Tanah, masih terdapat banyak tanah di Malaysia yang masih didaftarkan nama si mati. Pada 2005, dianggarkan sebanyak 900,000 geran tanah masih nama si mati (Abdul Rashid, 2005; Md Azmi & Mohammad, 2015). Manakala, mengikut statistik 2007, jumlah harta pusaka yang tidak dituntut mencecah RM40 bilion (“Harta pusaka tidak dituntut cecah RM40b,” 2007). Tahun 2009 pula, jumlah harta alih iaitu wang dan simpanan sejumlah RM31 juta masih tersimpan di Amanah Raya Berhad (ARB) (Abdul Rahim, 2009). Tahun 2014, dianggarkan terdapat lebih 1 juta kes pusaka yang bernilai lebih RM52 bilion yang masih belum diselesaikan (Sabirin, 2014) dan pada 2016, jumlah tersebut telah meningkat kepada RM60 bilion (Aziz, 2016; “Harta pusaka tidak dituntut mencecah angka RM60 bilion,” 2016).

Dari sudut implikasi, harta pusaka tidak dituntut ini menyumbang kepada peningkatan tanah-tanah yang terbiar dan tidak diuruskan (Mujani, Wan Hussain, Yaakub, & Abdul Rashid, 2011; Omar, Md Yusof, & A. Manaf, 2014; “Tanah terbiar bermasalah hak milik,” 2015). Berdasarkan statistik, sehingga 2014 dianggarkan tanah terbiar adalah seluas 119,273.38 hektar, meliputi 69,734 lot di seluruh Malaysia (Department of Agriculture, 2015). Perkara ini sangat merugikan masyarakat di Malaysia kerana kemungkinan tanah-tanah tersebut berpotensi bagi tujuan pertanian, perindustrian atau perumahan. Sebagai contoh, terdapat tanah-tanah FELDA, Tanah Adat dan Tanah Rizab Melayu yang berpotensi tinggi namun tanah-tanah tersebut tidak digunakan sepenuhnya atau diuruskan dengan cara yang salah (Azima & Ismail, 2011; Hanif, Azriyati, Abdul Rahman, Wang, & Wood, 2015; Md Hashim, Abdul Hamid, Abdullah, & Alias, 2009). Kesan tanah terbiar juga ini menyumbang kepada kesukaran untuk mendapatkan insentif-insentif kewangan dari agensi-agensi yang berautoriti sekali gus merugikan pemilik tanah untuk membangunkan tanah berkenaan (Azima & Ismail, 2011; Mohd Shafiai & Moi, 2015).

Dari sudut pihak berkuasa, mereka memiliki kuasa berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 129(4)(c) untuk menyita setiap tanah yang dibiarkan kosong lebih dari tiga tahun tanpa sebarang usaha untuk dibangunkan (Azima & Ismail, 2011). Contohnya di Kuala Langat, Selangor, Pihak Berkuasa Negeri telah merampas 11 lot tanah meliputi kawasan seluas 17.455 hektar (Unit Penguatkuasaan & Teknikal, 2013). Namun, usaha ini dilihat masih belum terbukti efektif kerana tindakan tersebut akan menyebabkan waris-warisan kehilangan tanah pusaka miliknya (Buang, 2003; Khalid, 2014).

2. PEMBAHAGIAN HARTA SELEPAS KEMATIAN

Harta pusaka terbeku ini seharusnya tidak berlaku kerana Islam telah menetapkan kaedah pembahagian pusaka iaitu hukum *faraid*. *Faraid* ialah kaedah pembahagian pusaka di mana pembahagian ini telah ditentukan dari sudut waris dan haknya. *Faraid* turut memberi hak kepada waris-warisan perempuan dan ibu di mana sebelum kedatangan Islam, hak-hak mereka dinafikan (Abdullah, Mohd Radzi, Johari, & Dastgir, 2014; Sulong, 2015). *Faraid* boleh dianggap sebagai pemindahan automatik dan kaedah pembahagian kekayaan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T (Ab Aziz & Nordin, 2015; Alma’amun, 2012; Awang & Abd Rahman, 2014; Khalid, 2014).

Pembahagian *faraid* telah diperincikan berdasarkan firman Allah S.W.T dalam Surah An-Nisa', ayat 11 dan 12 yang bermaksud:

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisi hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (11). Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar (12).”

Khalid, (2014) berpendapat masih ramai orang Islam di Malaysia yang mengamalkan pembahagian *faraid* bagi tujuan pembahagian harta dan mengenal pasti waris-waris yang berhak. Perkara ini dilihat sebagai amalan yang sepatutnya diterapkan dalam sistem pewarisan bagi orang Islam kerana sistem ini merangkumi aspek keadilan bagi semua waris. Namun begitu, sekiranya kaedah ini tidak ditadbir dengan baik, ia akan menyebabkan kezaliman kepada waris-waris.

3. PERUNDANGAN *FARAIID*

Undang-undang yang sedia ada jelas menunjukkan sistem *faraid* merupakan rujukan utama waris-waris orang Islam dalam pembahagian harta pusaka mereka. Merujuk Seksyen 25, Akta Undang-Undang Sivil 1956 mengkhususkan pentadbiran harta pusaka bagi orang Islam perlu merujuk undang-undang Islam iaitu sistem pewarisan *faraid* (Hassan & Abdul Rashid, 2014; Noordin, Shuib, Zainol, & Mohamed Adil, 2011). Tambahan lagi, Seksyen 12(7) Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 memperuntukkan pembahagian harta pusaka si mati hendaklah mengikut undang-undang terpakai kepadanya. Maka, bagi orang Islam, Pemungut atau Pentadbir pusaka perlu menentukan waris-waris, kadar bahagian-bahagian yang layak diterima dan jumlah harta berdasarkan hukum *faraid* (Disa, 2009; Wan Harun, 2009).

Dari sudut bidang kuasa pembahagian *faraid* pula, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan perkara-perkara berkaitan pewarisan bagi orang Islam adalah tertakluk kepada bidang kuasa Negeri (Halim & Arshad, 2014). Perkara ini diperkukuhkan melalui Seksyen 46 (2) (b), Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-Negeri yang memperuntukkan bidang kuasa berhubung pewarisan kepada Mahkamah Syariah (Disa, 2009; Mohd Yusof & Ahmad, 2013). Dalam erti kata yang lain, mendengar dan memutuskan kes yang berkaitan dengan pewarisan atau undang-undang harta untuk orang Islam adalah tertakluk kepada bidang kuasa Negeri melalui keputusan Mahkamah Syariah (Halim & Arshad, 2014; Wan Harun, 2009).

Seksyen 50, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-Negeri pula mengkhususkan Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk menguruskan perkara mendapatkan Sijil *Faraid* (Disa, 2009; Noordin et al., 2011; Wan Harun, 2009). Merujuk kepada kes Jumaaton dan Raja Delila lwn Raja Hizaruddin [1998]³, Hakim memutuskan bahawa persoalan kaedah pembahagian pusaka bagi orang Islam perlu mengikut *faraid* dengan merujuk keputusan di Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan Sijil *Faraid*. Namun begitu, amalan ini tidak mempunyai asas yang kukuh kerana sehingga kini masih tiada sebarang peruntukan khas di bawah prosedur Mahkamah Sivil yang memerlukan Sijil *Faraid* tersebut bagi tujuan tuntutan pusaka (Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2016; Md Azmi & Mohammad, 2015; Wan Harun, 2009). Hal ini disebabkan, sekiranya amalan mendapatkan Sijil *Faraid* ini diwajibkan, maka waris-waris perlu menghadapi perbicaraan sebanyak dua kali iaitu perbicaraan untuk membahagikan harta pusaka di Mahkamah Sivil atau di Pejabat Pusaka Kecil dan perbicaraan untuk mendapatkan Sijil *Faraid* di Mahkamah Syariah (Wan Harun, 2009). Amalan ini akan menyebabkan proses pusaka menjadi semakin sukar, memerlukan masa yang panjang dan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, Disa, (2009) berpendapat Pemungut sendiri mempunyai kuasa untuk menentukan kadar bahagian waris mengikut *faraid* berdasarkan Seksyen 8(1), Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Sijil *Faraid* hanya diperlukan apabila menghadapi masalah untuk membahagikannya.

Dari sudut pengiraan pembahagian *faraid*, Pemungut atau Hakim hanya merujuk kepada kitab *faraid* dan berdasarkan pembelajaran yang tidak formal kerana masih tiada statut khusus untuk dirujuk berkaitan pengiraan *faraid*. Perkara ini akan menyebabkan kekeliruan dalam pewarisan kerana terdapat kemungkinan pembahagian *faraid* tersebut adalah mengikut pendapat ulama' yang berbeza berdasarkan keperluan semasa (Wan Harun, 2009). Pembahagian *faraid* juga akan menghadapi masalah sekiranya harta yang dituntut tidak jelas dari sudut pemilikan atau bercampur dengan harta orang lain (Mujani et al., 2011).

³ 6 MLJ 55

Contohnya, pemilik harta telah kehilangan geran tanah atau sebarang dokumen berkaitan pemilikan sehingga menyebabkan pembahagian *faraid* sukar dijalankan.

4. PEMBAHAGIAN *FARAID* DALAM KONTEKS SEMASA

Pembahagian *faraid* merupakan pecahan secara umum bagi keseluruhan harta milik si mati dan tidak membezakan antara pembahagian aset alih dan aset tidak alih. Maka, berlakulah pemecahan tanah atau pemilikan beramai-ramai kesan pemahaman pembahagian *faraid* secara literal. Pemecahan tanah boleh berlaku apabila seseorang waris tidak berhasrat untuk berkongsi pemilikan bersama waris-warisi lain. Contohnya sebidang tanah berkeluasan 10 ekar dan terdapat lima orang waris lelaki. Apabila kesemua waris tersebut memilih untuk tidak berkongsi pemilikan, mereka bertindak untuk memecahkan tanah tersebut kepada yang lebih kecil iaitu dua ekar bagi masing-masing. Namun begitu, jika pemecahan tanah tersebut tidak dilakukan, nama kesemua waris tersebut akan didaftarkan di dalam satu geran pemilikan tanah. Rusnadewi Abdul Rashid & Ahmad, (2013), Rusnadewi Abdul Rashid, Hassan, & Yaakub, (2013) dan Mujani et al., (2011) mendapati masih ramai masyarakat di Malaysia cenderung untuk mengagihkan harta pusaka mereka yang ditinggalkan dengan menyenaraikan semua nama waris pada setiap harta yang diwarisi. Pemecahan tanah dan pemilikan beramai-ramai ini akan menyumbang kepada masalah ekonomi sehingga menyebabkan aset tersebut sukar untuk dijual dan diusahakan (Rusnadewi Abdul Rashid & Ahmad, 2013; Rusnadewi Abdul Rashid et al., 2013; Khalid, 2014; Mohd Shafiai & Moi, 2015; Mujani et al., 2011).

Kaedah pemilikan beramai-ramai dibenarkan oleh undang-undang Sivil berdasarkan Seksyen 324(1), Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 (Khalid, 2014; Sulong & Taha, 2016):

“kepunyaan bersama” ertinya pegangan tanah beri milik oleh dua atau lebih orang atau badan dalam bahagian-bahagian yang tak dipecahkan”

Pemilikan beramai-ramai ini akan menyukarkan pembangunan tanah tersebut kerana perlu mendapatkan persetujuan dari semua pemilik. Sulong & Taha, (2016) berpendapat perkara ini akan mendorong kepada beberapa implikasi terhadap tanah dan pembangunan tempatan, hasil tanah dan hubungan sosial. Pemilikan beramai-ramai juga akan menyumbang kepada tanah terbiar kerana sikap pemilik bersama dan keterhadan penggunaan tanah. Terdapat kemungkinan pemilik bersama menolak untuk mengusahakan tanah tersebut seperti pembangunan pertanian atau perindustrian. Situasi ini akan menyebabkan nilai tanah akan jatuh kerana broker tanah tidak lagi berminat terhadap tanah ini. Tanah-tanah yang mempunyai ramai pemilik juga sukar untuk mendapatkan bantuan kewangan dari pihak institusi kewangan sehingga menyebabkan tanah tersebut terbiar (Azima & Ismail, 2011; Hanif et al., 2015; Khalid, 2014; Mohd Shafiai & Moi, 2015).

Hakikatnya pembahagian *faraid* ini tidak memerlukan pemecahan tanah atau pemilikan beramai-ramai terhadap sebidang tanah. *Faraid* hanya menentukan siapa waris yang hak dan bahagian miliknya. Waris-warisi sendiri perlu bertolak ansur dalam pewarisan harta. Waris-warisi tidak perlu meletakkan nama semua waris dalam satu geran tanah sekiranya si mati memiliki tanah yang lain. Waris-warisi juga boleh menggantikannya dengan memberikan harta-harta lain milik si mati seperti wang simpanan dan kenderaan.

Wan Harun, (2009) mencadangkan tanah yang diwarisi perlulah dijual atau disewa untuk mengatasi masalah pemecahan tanah atau pemilikan beramai-ramai seperti mana yang diperuntukkan di dalam Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Seksyen 15 (c) dan (d).

Hasil pendapatan dari aktiviti tersebut boleh dibahagikan dalam kalangan waris. sekali gus dapat membantu mereka kerana permintaan tinggi terhadap tanah pada masa kini disebabkan pembangunan ekonomi seperti perindustrian dan pelancongan (Hanif et al., 2015). Namun begitu, sekiranya tanah tersebut dijual kepada pihak ketiga, walaupun hasil jualan tersebut dapat dinikmati oleh waris, mereka akan kehilangan tanah tinggalan ibu bapa mereka. Kajian ini berpendapat, kaedah sewaan lebih praktikal kerana waris-waris masih merupakan pemilik kepada tanah tersebut dan dapat menikmati hasil tanah tersebut sepanjang tempoh sewaan.

Omar & Buang, (2015) pula mencadangkan supaya ditubuhkan satu institusi kebangsaan berkaitan polisi tanah untuk memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkaitan isu polisi dan pentadbiran tanah. Namun cadangan ini adalah bersifat jangka masa panjang dan memerlukan kajian yang lebih mendalam.

5. ALTERNATIF PEMBAHAGIAN FARAIID

Selain *faraid*, terdapat konsep yang dikenali sebagai *takharruj* di mana waris yang sah menarik diri dari hak pewarisannya sama ada keseluruhan dan sebahagian secara suka rela (Mujani et al., 2011; Sulong, 2015; Wan Harun, 2009). Kaedah pembahagian ini dilihat dapat mengelakkan pemecahan tanah atau pemilikan beramai-ramai kerana akan mengurangkan jumlah waris yang layak menerima harta pusaka. Pegawai pentadbir tanah atau Pemungut perlu menggalakkan waris untuk mengamalkan konsep *takharruj* seperti mana yang terdapat dalam Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Seksyen 15 (Rusnadewi Abdul Rashid & Ahmad, 2013; Wan Harun, 2009). Walau bagaimanapun kaedah ini kurang diamalkan kerana orang Islam masih terikat dengan pembahagian sempit dan sukar untuk mendapatkan persetujuan dalam kalangan waris (Rusnadewi Abdul Rashid & Ahmad, 2013; Mujani et al., 2011).

Terdapat tiga bentuk pembahagian melalui konsep *takharruj*. Bentuk yang pertama ialah waris menarik diri secara percuma di mana waris tersebut tidak membuat sebarang tuntutan dari harta pusaka tersebut. Bentuk yang kedua ialah waris yang menarik diri dengan mendapat balasan atau pampasan hanya sebahagian dari keseluruhan harta si mati. Bentuk yang ketiga pula ialah bayaran yang dibuat kepada waris yang menarik diri dengan menggunakan harta selain daripada harta pusaka si mati. Contohnya waris-waris lain sepakat untuk membayar sejumlah wang yang telah dipersetujui oleh waris yang menarik diri (Wan Mohamad Ali & Ahmad, 2013).

Bagi melaksanakan kaedah pembahagian pusaka melalui konsep *takharruj* ini, terdapat dua syarat utama iaitu waris-waris perlu didedahkan berkaitan hak yang sepatutnya yang mereka terima dan keredaan untuk menarik diri dalam pewarisan harta tersebut. Sekiranya kedua-dua syarat tersebut tidak dapat dipenuhi, maka pembahagian melalui konsep *takharruj* ini tidak dapat dilaksanakan.

6. KEKANGAN AMALAN FARAIID

Terdapat juga kekangan untuk melaksanakan pembahagian mengikut hukum *faraid* bagi kes khas seperti tanah di bawah Federal Land Development Authority (FELDA) yang tertakluk kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang menghadkan hanya dua nama sahaja yang boleh didaftarkan pemilikan terhadap tanah berkenaan. Maka, apabila berlaku kematian generasi pertama (peneroka), tanah tersebut hanya boleh dimiliki oleh dua

orang sahaja dari waris-waris. Perkara ini dilihat boleh mengurangkan pemecahan tanah dan pemilikan beramai-ramai (Arifin & Hussin, 2015; Disa, 2009; Wan Harun, 2009).

Sekatan pembahagian tanah ini terhadap pembahagian *faraid* telah menarik perhatian pihak agamawan berkenaan hukum sekatan tersebut. Hasilnya, Muzakarah jawatankuasa fatwa yang bersidang pada 13-14 April 1982 memutuskan bahawa (Mat Hussain & Nor Muhamad, 2013):

1. Pembahagian harta yang bercorak tanah, yang tidak dapat diselesaikan secara hak milik, maka pihak berkuasa boleh menyelesaikan dengan apa cara juga yang sesuai dan munasabah mengikut hukum syarak.
2. Dalam Islam pembahagian harta pusaka merupakan syer atau saham dan sekiranya tidak mendatangkan faedah, pemerintah bolehlah menggunakan kuasanya dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut tanpa mendapat persetujuan daripada semua waris.

Manakala bagi Tanah Rizab Melayu dan Tanah Adat (seperti di Negeri Sembilan dan Melaka), terdapat sekatan di mana waris-waris hanya terdiri dari orang Melayu atau waris-waris adat sahaja. Hal ini menyebabkan hak-hak waris yang sah dari sisi Islam seperti waris yang berlainan bangsa tapi beragama Islam atau bukan waris adat tidak boleh menerima harta pusaka si mati (Azima & Ismail, 2011; Disa, 2009).

7. KESIMPULAN

Pembahagian pusaka melalui sistem *faraid* merupakan asas bagi pewarisan Islam. Pembahagian *faraid* juga diiktiraf dari sudut perundangan Malaysia berdasarkan Senarai 2, Perlembagaan Malaysia. Namun begitu, pemahaman secara literal terhadap pembahagian *faraid* akan menyebabkan pemecahan tanah atau pemilikan beramai-ramai. Oleh yang demikian, waris-waris boleh mengaplikasikan kaedah pembahagian secara *takharruj* di mana waris yang sah menarik diri dari hak pewarisannya sama ada keseluruhan dan sebahagian secara suka rela. Terdapat juga kekangan dalam pembahagian tanah-tanah tertentu seperti tanah FELDA kerana hanya dua orang waris sahaja yang boleh mewarisi tanah berkenaan.

Kajian ini mencadangkan pengetahuan berkaitan *faraid* perlu diperluaskan melalui saluran-saluran yang sepatutnya. Pengajian *faraid* perlu diterapkan dalam sistem pendidikan negara di peringkat rendah, menengah dan tinggi. Agensi-agensi kerajaan dan swasta perlu berganding bahu dalam menyebarkan ilmu berkaitan proses tuntutan pusaka melalui ceramah dan taklimat secara berterusan. Penerbitan-penerbitan artikel dan jurnal berkaitan *faraid* perlu diperbanyakkan supaya dapat merencanakan penyelidikan berkaitan sistem pewarisan ini.

RUJUKAN

- Ab Aziz, M. R., & Nordin, N. I. (2015). Perception towards planning of waqf, wasiyyah and faraid in Islamic wealth distribution: Malaysian perspective. *Journal of Scientific Research and Development*, 2(12), 13–18.
- Abdul Rahim, T. (2009, May 2). RM31 j harta pusaka masih tidak dituntut. *Utusan Malaysia*.
- Abdul Rashid, R. (2005, April 1). 900,000 hak milik tanah “kepunyaan orang mati.” *Berita Harian*.
- Abdul Rashid, R., & Ahmad, N. H. (2013). Pengurusan harta melalui hibah: Kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 91–104.
- Abdul Rashid, R., Hassan, S. A., & Yaakub, N. I. (2013). A need for legal framework of gift inter

- vivos (hibah) in Malaysian estate planning. *International Journal of Business, Economics and Law*, 2(3), 29–31.
- Abdullah, R., Mohd Radzi, W., Johari, F., & Dastgir, G. (2014). The Islamic legal provisions for women's share in the inheritance system: A reflection on Malaysian society. *Asian Women*, 30(1), 29–52.
- Alma'amun, S. (2012). Analysing the practice of wasiyyah (Islamic will) within the contextual form of Islamic estate planning in Malaysia: Variations across control variables. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 8(3), 60–82.
- Arifin, N., & Hussin, K. (2015). Review on issues and problems of transferring Felda Land Ownership. *Journal of Management Research*, 7(2), 229.
- Awang, A. B., & Abd Rahman, A. A. (2014). Are parents free to bestow their wealth onto their children? A juristic discourse on equality and justice in hibah. *Jurnal Syariah*, 22(3), 407–426.
- Azima, A. M., & Ismail, O. (2011). Idle agriculture land resources management and development - An institutional causes: A case study in Malaysia. *Interdisciplinary Journal of Research in Business*, 1(August), 21–27.
- Aziz, I. H. (2016, March 29). RM60b harta umat Islam tidak dituntut. *Berita Harian*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/node/138450>
- Buang, S. (2003). Kanun Tanah Negara 1965 dan pelbagai undang-undang berkaitan tanah: Satu tinjauan. In *Seminar Pentadbiran dan Perundangan Tanah untuk Pegawai Daerah / Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia* (pp. 1–12).
- Department of Agriculture. (2015). Summary of idle land information. Retrieved March 26, 2016, from http://www.doa.gov.my/maklumat-tanah-terbiar;jsessionid=A1AAAF948B594F48700FA68020CEE100?p_p_id=56_INSTANCE_3JeB&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=column-5&p_p_col_count=1&page=2
- Disa, M. N. (2009). Penyelarasan undang-undang pewarisan: Isu dan penyelesaiannya. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(1), 189–215.
- Halim, A. H., & Arshad, A. (2014). Penentuan harta pusaka di Malaysia: Kajian dari perspektif undang-undang Sivil dan Syariah. *Kanun*, 26(2), 153 – 172.
- Hanif, N. R., Azriyati, W. N., Abdul Rahman, H., Wang, C., & Wood, L. C. (2015). The challenge of rural life nostalgia: Barriers in redevelopment of Malay Reserve Land (MRL) in Klang Valley. *City, Territory and Architecture*, 2(3), 1–10.
- Harta pusaka tidak dituntut cecah RM40b. (2007, July 11). *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0711&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm&arc=hive
- Harta pusaka tidak dituntut mencecah angka RM60 bilion. (2016, February 1). *Utusan Malaysia*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/harta-pusaka-tidak-dituntut-mencecah-angka-rm60-bilion-1.185501>
- Hassan, A. S., & Abdul Rashid, R. (2014). The legal rights and duties of administrators and executors of deceased Muslims' property in Malaysia. *The Social Sciences*, 9(2), 98–101.
- Hussain, R. (2005, August 18). 50 tahun baru selesai kes tuntutan. *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0818&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. (2016). Pusaka Kecil - Permohonan. Retrieved March 31, 2016, from <https://www.jkptg.gov.my/ms/content/pusaka-kecil-permohonan>
- Khalid, H. (2014). Do Malay estate-distribution practices contribute to lower land values? *Middle-East Journal of Scientific Research*, 21(9), 1561–1569.
- Mat Hussain, N., & Nor Muhamad, N. H. (2013). Mekanisme pembahagian harta pusaka tanah rancangan: Kajian di Felda Taib Andak, Kulai Johor. *Kanun*, 25(1), 1–21.
- Md Azmi, F. A., & Mohammad, M. T. S. (2015). A proposal for a single tribunal of estates distribution in Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 75(10), 103–109.
- Md Hashim, B., Abdul Hamid, A., Abdullah, M. S., & Alias, R. (2009). Socio-economic issues among FELDA settlers in Perlis. *Asian Culture and History*, 1(2), 113–117.
- Mohd Shafiai, M. H., & Moi, M. R. (2015). Financial problems among farmers in Malaysia: Islamic

- agricultural finance as a possible solution. *Asian Social Science*, 11(4), 1–16.
- Mohd Yusof, Y., & Ahmad, A. (2013). Hibah as an alternative mechanism in Muslims asset management: A study in Melaka Tengah. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, 3(3), 1–5.
- Mujani, W. K., Wan Hussain, W. M. H., Yaakub, N. I., & Abdul Rashid, R. (2011). Constructions of failure ad delay under Islamic estate management. *International Business Management*, 5(6), 326–330.
- Noordin, N., Shuib, A., Zainol, M. S., & Mohamed Adil, M. A. (2011). Problem to petition rights to the Islamic inheritance - Practical solution found elsewhere than the legal system of Malaysia. *PERINTIS E-Journal*, 1(December), 44–60.
- Omar, I., & Buang, S. (2015). Reviewing the National Land Code (1965) for waqf land development in Malaysia. *Pezzottaite Journal*, 4(3), 1716–1722.
- Omar, I., Md Yusof, A., & A. Manaf, F. (2014). The economic transformation of waqf lands in malaysia – a structure and agency approach. *International Journal of Business, Economics and Law*, 5(3), 1–11.
- Panduan permohonan tuntutan pembahagian harta pusaka kecil*. (2013). Putrajaya: Jabatan Bantuan Guaman.
- Sabirin, A. (2014, January 20). Umat Islam rugi berbilion ringgit kerana harta pusaka. *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140120/ek_04/Umat-Islam-rugi-berbilion-ringgit-kerana-harta-pusaka
- Sulong, J. (2015). Inheritance law for women: Islamic feminism and social justice. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 3(1), 11–22.
- Sulong, J., & Taha, M. M. (2016). Implications of multiple land ownership in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 6(5), 2014–2017.
- Tanah terbiar bermasalah hak milik. (2015, September 8). *Sinar Harian*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/edisi/perak/tanah-terbiar-bermasalah-hak-milik-1.428514>
- Unit Penguatkuasaan & Teknikal. (2013). Perampasan tanah: Sesal kemudian tidak berguna. Retrieved March 23, 2016, from <http://www.selangor.gov.my/kualalangat.php/pages/view/126>
- Wan Harun, W. A. H. (2009). Isu-isu Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam Dalam Konteks Perundangan Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(1), 159–187.
- Wan Mohamad Ali, W. N., & Ahmad, M. Y. (2013). Mekanisme aplikasi Takharuj dalam pembahagian Harta Pusaka Kecil di Kuala Terengganu. *Islamiyyat*, 35(2), 27–33.